

Dr Noordin Ketua Pengarah ANGKASA

Shah Alam: Timbalan Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) Profesor Adjung Fa-kulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Noordin Ahmad, dilantik sebagai Ketua Pengarah ANGKASA berkuat kuasa 12 Februari tahun ini menggantikan Dr Mustafa Din Subari yang tamat perkhidmatannya pada 13 September tahun lalu.

Beliau yang juga fello profesional di Institut Juruukur Malaysia selain menjadi ahli Persatuan Remote Sensing Malaysia dan juga Persatuan Juruukur Tanah Ber-



DR Noordin

tauliah Malaysia (PEJUTA)

Noordin adalah **graduan** Sarjana Muda Ukur di Universiti Melbourne, Australia pada 1984 sebelum menyambung di peringkat sarjana di Universiti Newcastle, United Kingdom. Beliau kemudian **melanjutkan** pelajaran ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang sama pada 1988.